

[Halaman Utama](#) » [Sarawak](#) » Kembara Inovasi Inno-Youth terap kesedaran mengenai kreativiti, inovasi

## Kembara Inovasi Inno-Youth terap kesedaran mengenai kreativiti, inovasi



JUARA: Mansor (dua kanan) menyampaikan hadiah tempat pertama kepada kumpulan Fantastic Four dari Jabatan Imigresen Sarawak Cawangan Miri sambil disaksikan oleh Dr Jasmine (kanan).

MIRI: Penganjuran Kembara Inovasi Inno-Youth diharap dapat menerapkan kesedaran dalam kalangan penjawat awam mengenai kepentingan kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam.

Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak Dato' Mansor Man berkata, para peserta berpeluang berkongsi pengalaman dan idea bagi penghasilan inovasi serta penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

"Program ini bukan pertandingan 'explorace' yang biasa tetapi turut menerapkan unsur-unsur kreativiti dan inovasi selain juga unsur-unsur tanggungjawab sosial korporat (CSR), sejarah, kebudayaan dan kesenian.

"Tahun 2018 merupakan tahun kelima pelaksanaan program Kembara Inovasi Inno-Youth, tahun-tahun lepas ia diadakan di Kuching, Sibul dan Kota Samarahan dan tahun ini bertukar angin ke Miri dengan hasrat untuk merangkumkan penjawat awam di Bahagian Miri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kembara Inovasi Inno-Youth di Kompleks Islam Sarawak, di sini kelmarin.

Program berkenaan diadakan bersempena dengan sambutan Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak 2018 anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Sarawak.

Program Kembara Inovasi Inno-Youth berjaya menarik penyertaan sebanyak 17 pasukan dengan keahlian seramai lebih kurang 68 orang daripada pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri dari Bahagian Miri, Lawas dan Kuching.

Kumpulan Fantastic Four daripada Jabatan Imigresen Sarawak Cawangan Miri dinobatkan sebagai juara pertandingan tersebut, sekali gus membawa pulang hadiah bernilai RM2,000.

Pemenang tempat kedua dimenangi kumpulan MLGH dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak yang membawa pulang hadiah bernilai RM1,000 manakala tempat ketiga oleh kumpulan MAMPU Sarawak dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia Sarawak yang membawa pulang hadiah bernilai RM750.

Turut diumumkan kelmarin adalah pemenang bagi kategori-kategori khas iaitu pakaian sukan paling kreatif dimenangi kumpulan Minijal dari Pejabat Daerah Miri.

Sementara kategori pasukan paling sporting pula dimenangi kumpulan D.A.S.E Team dari Pejabat Kesihatan Bahagian Miri manakala kategori pasukan paling kreatif dimenangi kumpulan MLGH dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Miri Abdul Aziz Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Miri Morshidi Fredrick dan Pengarah INTAN Wilayah Sarawak Dr Jasmine Edmund Andrew.

Kategori [Sarawak](#)

Carian



Utusan Borneo Online  
182,450 likes

2 friends like this



Psiphon is keeping you connected

Psiphon is keeping you connected  
Click to see fresh new content from Psiphon!